

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan setakat mana persiapan kontijen negara ke Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan berapakah perbelanjaan yang telah diguna pakai bagi tujuan tersebut sehingga kini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan Institut Sukan Negara (ISN) telah melaksanakan penambahbaikan kepada Program Podium. Penjenamaan semula program Podium yang diumumkan oleh YB Menteri Belia dan Sukan pada 13 Mac 2019 merupakan agenda Kementerian dalam memastikan kecemerlangan sukan negara dapat diteruskan tanpa mengeneipkan kebajikan atlet yang menjadi keutamaan.
2. Program ini merupakan program menyeluruh yang melibatkan tumpuan kepada lima temasya utama iaitu Temasya Sukan SEA Filipina 2019, Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020, Temasya Sukan SEA Vietnam 2021, Sukan Komanwel Birmingham 2022 dan Sukan Asia Hangzhou 2022. Program ini merangkumi perbelanjaan dari aspek elaun latihan, makan, penginapan, kejurulatihan, pertandingan serta latihan dalam dan luar negara, peralatan dan program binaan. Sehingga kini, terdapat

seramai 526 orang atlet dan 97 orang jurulatih daripada 25 jenis sukan yang berlatih secara sepenuh masa di bawah Program Podium.

3. Berlandaskan kepada kejayaan Sukan Olimpik 2016 di Rio de Janeiro, di mana kontinjen negara telah berjaya memenangi empat pingat perak dan satu pingat gangsa, Kementerian berhasrat meneruskan kecemerlangan sukan negara. Walau bagaimanapun, untuk menyertai Temasya tersebut, mana-mana sukan perlu melalui proses kelayakan melalui slot yang ditawarkan menerusi kejohanan peringkat dunia, benua (*continental*) mahupun melalui proses kutipan mata di kejohanan berkaitan. Tempoh kelayakan mengikut sukan-sukan yang disasarkan ke Temasya tersebut bermula sejak 1 Julai 2018 dan akan berakhir pada 29 Jun 2020. Sebelas (11) sukan telah disasarkan untuk mengambil bahagian di Temasya tersebut iaitu angkat berat, akuatik (terjun dan renang), badminton, berbasikal (trek), hoki lelaki, karate, memanah, menembak, olahraga dan pelayaran.

4. Strategi pelaksanaan ke arah Temasya Sukan Olimpik 2020 merangkumi elemen seperti pemilihan jenis-jenis sukan yang mampu menyumbang pingat, pemilihan atlet-atlet terbaik negara yang mempunyai latar belakang prestasi cemerlang di kejohanan / temasya besar, penyediaan program latihan atlet secara lebih sistematik, penyertaan di kejohanan yang kompetitif, mengkaji keperluan jurulatih serta pakar perunding yang mampu melonjakkan prestasi atlet di bawah program, perkhidmatan sains dan perubatan sukan yang khusus serta pemantauan program dengan lebih teliti.

5. Namun sehingga kini, tujuh (7) orang atlet daripada tiga (3) jenis sukan yang melibatkan enam (6) jenis acara telah layak secara merit ke Temasya Sukan Olimpik 2020 iaitu Khairulnizam Mohd. Afendy (Pelayaran / *Men's Laser Standard*), Nur Shazrin Mohamad Latif (Pelayaran / *Women's Laser Radial*), Khairul Anuar Mohamad (Memanah / *Men's Recurve Individual*), Pandelega Rinong Pamg (Akuatik Terjun / *Women's 10m Platform Synchronize* dan *Women's 10m Platform Individual*), Leong Mun Yee (Akuatik Terjun / *Women's 10m Platform Synchronize*), Ng Yan

Yee (Akuatik Terjun / *Women's 3m Springboard Individual*) serta Nur Dhabitah Sabri (Akuatik Terjun / *Women's 3m Springboard Individual*).

6. Sebanyak 69 latihan pendedahan dan 182 pendedahan pertandingan dalam serta luar negara telah dirancang dan disertai oleh atlet-atlet dari sukan-sukan yang disasarkan untuk melayakkan diri ke temasya sukan paling masyhur ini. Bilangan jurulatih yang terlibat dalam sukan-sukan yang disasarkan adalah seramai 23 jurulatih tempatan, 14 jurulatih luar negara dan tiga anggota sokongan.

7. Jumlah perbelanjaan bagi tahun 2018 sehingga kini, pihak MSN telah membelanjakan sebanyak RM38,092,701.05 sebagai persediaan persiapan menghadapi temasya Sukan Olimpik 2020 yang akan berlangsung pada 24 Julai hingga 9 Ogos 2020 nanti.

Sekian, terima kasih.